



13 September 2024  
13 September 2024  
P.U. (A) 241

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN PERHUBUNGAN  
PERUSAHAAN (PINDAAN) 2024

*INDUSTRIAL RELATIONS (AMENDMENT)  
REGULATIONS 2024*

DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PERHUBUNGAN PERUSAHAAN 1967

PERATURAN-PERATURAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN (PINDAAN) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 62 Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [*Akta 177*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan (Pindaan) 2024**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 15 September 2024.

**Pindaan peraturan 2**

2. Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009 [*P.U. (A) 356/2009*], yang disebut “Peraturan-Peraturan ibu” dalam Peraturan-Peraturan ini, dipinda dalam peraturan 2 dengan menggantikan takrif “undi sulit” dengan takrif yang berikut:

‘ “undi sulit” ertinya—

- (a) berhubung dengan Bahagian II, suatu undi sulit yang dibuat bagi maksud menentukan peratus pekerja atau apa-apa kelas pekerja, yang berkenaan dengannya tuntutan pengiktirafan ini dibuat untuk menunjukkan sokongan kepada kesatuan sekerja pekerja yang membuat tuntutan itu;
- (b) berhubung dengan Bahagian IIA, suatu undi sulit yang dibuat bagi maksud menentukan bilangan undi tertinggi yang menunjukkan keutamaan bagi kesatuan sekerja pekerja untuk mendapat hak berunding tunggal bagi mewakili pekerja atau kelas pekerja tersebut.

### **Pindaan peraturan 3**

3. Peraturan 3 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukkan selepas subperaturan (2) subperaturan yang berikut:

“(2A) Jika lebih daripada satu kesatuan sekerja pekerja diiktiraf untuk mewakili pekerja atau kelas pekerja yang sama, hanya kesatuan sekerja pekerja yang mendapat hak perundingan tunggal di bawah seksyen 12A Akta boleh memulakan perundingan bersama dengan majikan atau kesatuan sekerja majikan sebagaimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 13(1) Akta.”

### **Penggantian peraturan 4**

4. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 4 dengan peraturan yang berikut:

#### **“Pemberitahuan untuk pemberian pengiktirafan**

4. Jika majikan atau kesatuan sekerja majikan bersetuju untuk memberi pengiktirafan kepada kesatuan sekerja pekerja dan majikan atau kesatuan sekerja majikan berpuas hati bahawa skop keahlian kesatuan sekerja pekerja yang membuat tuntutan pengiktirafan mengikut perlembagaan kesatuan sekerja pekerja, majikan atau kesatuan sekerja majikan hendaklah, dalam masa empat belas hari, memberitahu Ketua Pengarah mengenai pengiktirafan tersebut dalam Borang AA.”.

### **Penggantian peraturan 5**

5. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 5 dengan peraturan berikut:

#### **“Penentuan penyampaian dan kesahan Borang A**

5. (1) Jika kesatuan sekerja pekerja membuat laporan kepada Ketua Pengarah dalam tempoh empat belas hari di bawah subseksyen 9(4) Akta, Ketua Pengarah boleh mengambil apa-apa langkah yang perlu jika dapat dilaksanakan dalam masa empat belas hari untuk menentukan—

- (a) ketepatan maklumat yang diberikan oleh kesatuan sekerja itu dalam Borang A;
- (b) sama ada Borang A telah disempurnakan secara sah oleh kesatuan sekerja itu; dan
- (c) sama ada Borang A telah disampaikan mengikut subperaturan 3(3) kepada majikan atau kesatuan sekerja majikan yang berkenaan.

(2) Tuntutan pengiktirafan hendaklah dianggap telah luput jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa—

- (a) maklumat dalam Borang A adalah palsu atau tidak tepat;
- (b) Borang A tidak disempurnakan dengan sah; atau
- (c) Borang A tidak disampaikan mengikut subperaturan 3(3).

(3) Jika tuntutan pengiktirafan disifatkan telah luput di bawah subperaturan (2), Ketua Pengarah hendaklah memberitahu kesatuan sekerja pekerja dan majikan atau kesatuan sekerja majikan dan kesatuan sekerja pekerja berkenaan boleh, pada bila-bila masa, menyampaikan Borang A baharu kepada majikan atau kesatuan sekerja majikan yang berkenaan di bawah peraturan 3.”

### **Penggantian peraturan 6**

6. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 6 dengan peraturan berikut:

#### **“Penentuan skop keahlian kesatuan sekerja**

6. Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa Borang A telah diserahkan dengan betul, Ketua Pengarah boleh, tanpa berlengah-lengah—

- (a) mengarahkan majikan atau kesatuan sekerja majikan, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk mengemukakan kepadanya, dalam masa empat belas hari selepas penerimaan arahan atau mana-mana tempoh lain yang dinyatakan dalam arahan—
- (i) maklumat majikan yang berhubungan dengan skop keahlian kesatuan sekerja pekerja yang membuat tuntutan pengiktirafan; dan
  - (ii) butir-butir pekerja yang berkenaan dengannya tuntutan pengiktirafan dibuat dan yang diambil kerja oleh majikan, atau majikan masing-masing yang merupakan ahli kesatuan sekerja majikan, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana pada tarikh tuntutan, dalam Borang B yang ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab; dan
- (b) mengambil langkah-langkah lanjut yang difikirkan perlu oleh Ketua Pengarah bagi menentukan skop keahlian kesatuan sekerja itu.”.

### **Pindaan peraturan 7**

7. Peraturan 7 Peraturan-Peraturan Ibu dipinda—

- (a) dalam subperaturan (1), dengan memasukkan sebelum perkataan “menerima Borang B” perkataan “menentukan skop keahlian kesatuan sekerja pekerja dan”,
- (b) dengan memasukkan selepas subperaturan (1) subperaturan yang berikut:
- “(1A) Kesatuan sekerja pekerja yang membuat tuntutan pengiktirafan dan majikan atau kesatuan sekerja majikan yang berkenaan hendaklah, semasa mesyuarat, menentukan—

- (a) butir-butir pekerja-pekerja yang layak mengundi dalam undi sulit;
- (b) tarikh dan masa undi sulit;
- (c) tempat undi sulit; dan
- (d) apa-apa perkara lain yang perlu bagi menjalankan undi sulit.

(1B) Jika persetujuan dicapai antara kesatuan sekerja pekerja dengan majikan atau kesatuan sekerja majikan mengenai perkara-perkara di bawah perenggan (1A)(a), (b), (c) dan (d), persetujuan tersebut hendaklah dalam Borang BA.”; dan

- (c) dalam subperaturan (2), dengan menggantikan perkataan “butir-butir pekerja dalam Borang B, Ketua Pengarah hendaklah memutuskan senarai yang muktamad sebagaimana dalam Lampiran A1 Borang B” dengan perkataan “perkara di bawah perenggan (1A)(a), (b), (c) dan (d), Ketua Pengarah hendaklah menentukan perkara itu dalam Borang BB”.

### **Pindaan peraturan 9**

8. Peraturan 9 Peraturan-Peraturan ibu dipinda—

- (a) dengan memotong subperaturan (1) dan (2); dan
- (b) dalam subperaturan (5), dengan memasukkan selepas perkataan “selepas undi sulit selesai” perkataan “melainkan jika diarahkan oleh Ketua Pengarah”.

### **Pindaan peraturan 10**

9. Peraturan 10 Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “Lampiran A1 Borang B” dengan perkataan “Borang BA atau Borang BB”.

**Penggantian peraturan 11**

10. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan peraturan 11 dengan peraturan yang berikut:

**“Formula untuk menentukan sokongan terhadap kesatuan sekerja pekerja**

11. Kekuatan sokongan untuk kesatuan sekerja pekerja yang membuat tuntutan pengiktirafan hendaklah ditentukan dengan majoriti mudah undi yang dibuang oleh tidak kurang daripada separuh daripada jumlah bilangan pekerja yang layak mengundi yang dikira mengikut cara yang berikut:

$$\frac{\text{Jumlah undi menunjukkan sokongan terhadap kesatuan sekerja pekerja}}{\text{Jumlah undi yang dibuang}} \times 100$$

**Bahagian baharu IIA**

11. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan memasukan selepas peraturan 13 bahagian yang berikut:

**“BAHAGIAN IIA****HAK PERUNDINGAN TUNGGAL****Pemberitahuan bagi hak perundingan tunggal**

13A. (1) Kesatuan sekerja pekerja yang mendapat hak perundingan tunggal di bawah perenggan 12A(1)(a) Akta hendaklah, dalam tempoh empat belas hari selepas mendapat hak perundingan tunggal tersebut, memberitahu Ketua Pengarah dalam Borang FA.

(2) Salinan pemberitahuan yang diberi di bawah subperaturan (1) hendaklah disampaikan kepada majikan atau kesatuan sekerja majikan yang berkenaan.

**Permohonan bagi penentuan hak perundingan tunggal**

13B. (1) Permohonan bagi penentuan hak perundingan tunggal di bawah perenggan 12A(1)(b) Akta hendaklah dibuat dalam Borang FB.

(2) Jika lebih daripada satu permohonan dibuat di bawah perenggan 12A(1)(b) Akta, tarikh permohonan pertama diterima oleh Ketua Pengarah hendaklah disifatkan sebagai tarikh permohonan bagi semua permohonan berkenaan.

(3) Jika persetujuan mengenai hak perundingan tunggal dicapai selepas permohonan di bawah perenggan 12A(1)(b) Akta dibuat, pemberitahuan itu hendaklah diberikan mengikut cara yang dinyatakan di bawah peraturan 13A dan permohonan itu hendaklah disifatkan telah ditarik balik.

**Pengemukaan butir-butir dan dokumen**

13C. Setelah memutuskan bahawa hak perundingan tunggal perlu ditentukan melalui undi sulit, Ketua Pengarah boleh—

- (a) mengarahkan majikan atau kesatuan sekerja majikan, dalam masa empat belas hari selepas penerimaan arahan atau mana-mana tempoh lain yang dinyatakan dalam arahan, untuk memberi—
  - (i) butir-butir pekerja yang berkenaan dengannya permohonan hak perundingan tunggal dibuat dan yang diambil kerja oleh majikan, atau majikan masing-masing yang merupakan ahli kesatuan sekerja majikan, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada tarikh permohonan, dalam Borang FC yang ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab; dan
  - (ii) senarai kesatuan sekerja pekerja yang bersaing untuk hak perundingan tunggal dalam Borang FD; dan

- (b) mengarahkan kesatuan sekerja pekerja yang bersaing untuk hak perundingan tunggal memberikan kepada Ketua Pengarah, dalam masa empat belas hari dari tarikh penerimaan arahan atau mana-mana tempoh lain sebagaimana yang dinyatakan dalam arahan, apa-apa dokumen mengenai pengiktirafan yang diberikan di bawah seksyen 9 Akta kepada kesatuan sekerja itu.

**Mengadakan mesyuarat untuk undi sulit**

13D. (1) Setelah menerima semua dokumen di bawah subperaturan 13C, Ketua Pengarah hendaklah, melalui notis bertulis, mengadakan suatu mesyuarat antara kesatuan sekerja pekerja dengan majikan atau kesatuan sekerja majikan yang berkenaan bagi maksud mengendalikan undi sulit di bawah subseksyen 12A(2) Akta.

(2) Kesatuan sekerja pekerja yang memohon hak perundingan tunggal dan majikan atau kesatuan sekerja majikan yang berkaitan hendaklah, semasa mesyuarat, menentukan—

- (a) butir-butir pekerja yang layak mengundi dalam undi sulit;
- (b) tarikh dan masa undi sulit;
- (c) tempat undi sulit; dan
- (d) apa-apa perkara lain yang perlu bagi menjalankan undi sulit.

(3) Jika persetujuan dicapai antara kesatuan sekerja pekerja dengan majikan atau kesatuan sekerja majikan yang berkenaan dengan perkara-perkara di bawah subperaturan (2), persetujuan tersebut hendaklah dalam Borang FE.

(4) Dalam hal keadaan tiada persetujuan dicapai antara kesatuan sekerja pekerja yang bersaing bagi hak perundingan tunggal dengan majikan atau kesatuan sekerja majikan yang berkenaan mengenai perkara di bawah

subperaturan (2), Ketua Pengarah hendaklah menentukan perkara tersebut dalam Borang FF.

### **Orang yang layak mengundi**

13E. Semua pekerja atau mana-mana kelas pekerja sebagaimana dalam Borang FE atau Borang FF, mengikut mana-mana yang berkenaan, layak untuk mengundi dalam undi sulit.

### **Notis bagi undi sulit**

13F. (1) Selepas menentukan perkara-perkara di bawah peraturan 13D, Ketua Pengarah hendaklah mengeluarkan notis dalam Borang FG kepada kesatuan sekerja pekerja dan majikan atau kesatuan sekerja majikan yang berkenaan.

(2) Majikan atau kesatuan sekerja majikan hendaklah meletakkan salinan notis undi sulit di tempat yang mudah dilihat di premis majikan yang berkenaan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah selama tujuh hari berturut-turut sebaik sebelum hari pembuangan undi sulit.

(3) Melainkan jika atas arahan Ketua Pengarah, tiada seorang pun, boleh mengalihkan, merosakkan atau memusnahkan notis undi sulit sehingga selepas undi sulit selesai.

### **Majikan dan kesatuan sekerja hendaklah membantu Ketua Pengarah**

13G. (1) Jika Ketua Pengarah telah memberikan arahan di bawah peraturan 13C atau menyerahkan notis di bawah subperaturan 13D(1), majikan atau kesatuan sekerja majikan dan kesatuan sekerja pekerja yang berkenaan hendaklah memberi apa-apa maklumat kepada Ketua Pengarah sebagaimana yang dikehendaki olehnya dan hendaklah membantu Ketua Pengarah bagi membolehkannya mengendalikan undi sulit dengan segera.

(2) Tiada seorang pun, majikan atau kesatuan sekerja boleh dalam apa cara sekalipun menghalang pembuangan undi sulit.

### **Pemberitahuan Keputusan**

13H. Ketua Pengarah hendaklah, sebaik sahaja keputusan undi sulit ditentukan, memaklumkan keputusan itu kepada kesatuan sekerja pekerja dan majikan atau kesatuan sekerja majikan yang berkenaan dalam Borang FH.

### **Keputusan Ketua Pengarah**

13I. Keputusan Ketua Pengarah di bawah subseksyen 12A(4) Akta hendaklah dimaklumkan kepada kesatuan sekerja pekerja yang memperoleh hak berunding tunggal dalam Borang FI.”.

### **Peraturan baharu 17A**

12. Peraturan-Peraturan itu dipinda dalam Bahagian IV dengan memasukkan sebelum peraturan 18 peraturan yang berikut:

#### **“Permohonan untuk perwakilan**

17A. (1) Permohonan oleh majikan atau pekerja untuk kebenaran untuk diwakili di bawah subperenggan 20(6)(a)(iv) atau 20(6)(b)(iv) Akta hendaklah dibuat dalam Borang Fj.

(2) Setelah menerima permohonan untuk kebenaran untuk diwakili tersebut, Ketua Pengarah boleh—

(a) memberi kebenaran, dengan atau tanpa syarat; atau

(b) enggan untuk memberikan kebenaran.

(3) Ketua Pengarah boleh, demi kepentingan penyelesaian segera, membatalkan mana-mana kebenaran yang diberikan di bawah subperaturan (2) dan majikan atau pekerja yang kebenarannya dibatalkan boleh menggunakan pilihan di bawah perenggan 20(6)(a) atau 20(6)(b) Akta, mengikut mana-mana yang berkenaan.”

**Pindaan peraturan 18**

13. Perenggan 18(2)(b) Peraturan-Peraturan ibu dipinda dengan menggantikan perkataan “enam puluh hari” dengan perkataan “tiga puluh hari”.

**Pindaan Jadual**

14. Peraturan-Peraturan ibu dipinda dalam Jadual—

(a) dengan memasukkan selepas Borang A-1 borang yang berikut:

**“BORANG AA**  
[Peraturan 4]

PENGIKTIRAFAN SUKARELA

Kepada: .....  
(nama kesatuan sekerja pekerja)

beralamat di .....  
.....  
Poskod ..... Negeri .....

Kami .....  
(nama majikan atau kesatuan sekerja majikan)

beralamat di .....  
.....  
Poskod ..... Negeri .....

dengan ini mengisytiharkan bahawa skop keahlian anda pada tarikh tuntutan adalah selaras dengan perlembagaan anda untuk mewakili pekerja atau kelas pekerja kami dan dengan ini memberi pengiktirafan menurut perenggan 9(3)(a) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 berkenaan dengan—

.....  
.....  
.....

Tandatangan : .....  
Nama : .....  
Jawatan : .....  
Tarikh : .....

s.k.  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perhubungan Perusahaan”;

(b) dengan menggantikan Borang B dengan borang yang berikut:

**“BORANG B**  
[Subperenggan 6(a)(ii)]

**BUTIR-BUTIR PEKERJA**

Kami .....  
(nama majikan atau kesatuan sekerja majikan)

beralamat di .....  
.....  
Poskod ..... Negeri .....

dengan ini mengisytiharkan bahawa maklumat yang diberi dalam Lampiran 1 Borang B pada tarikh tuntutan adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami.

Tandatangan : .....  
Nama : .....  
Jawatan : .....  
Tarikh : .....

Lampiran 1 Borang B

Berikut ialah senarai nama dan butir-butir semua pekerja dalam penggajian kami pada tarikh tuntutan yang berkenaan dengannya tuntutan pengiktirafan dibuat.

Bil.	Nama Pekerja (Huruf Besar)	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport	Pekerjaan/ Jawatan	Tarikh mula bekerja	Catatan (jika ada)

Muka surat/

NOTA: Sila gunakan kertas sambungan jika perlu.

(c) dengan memasukkan selepas Borang B borang yang berikut:

**“BORANG BA**  
[Subperaturan 7(1B)]

PERSETUJUAN MENGENAI PELAKSANAAN UNDI SULIT

BAHAWASANYA Kami,

.....  
(nama majikan atau kesatuan sekerja majikan)

DAN

.....  
(nama kesatuan sekerja pekerja)

bersetuju dengan perkara-perkara yang berikut bagi maksud undi sulit di bawah Bahagian II Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009:

1. Senarai nama dan butir-butir semua pekerja yang layak mengundi dalam undi sulit hendaklah dalam Lampiran 1;
2. Tarikh dan masa undi sulit adalah seperti yang berikut:  
     Tarikh :  
     Hari :  
     Masa :
3. Undi sulit akan diadakan di .....
4. \*Perkara-perkara yang berikut (*jika ada*):  
     (i) .....  
     (ii) .....  
     (iii) .....  
     \*NOTA: *Sila gunakan kertas sambungan jika perlu.*

.....  
(Majikan/Kesatuan Sekerja  
Majikan)

Nama:  
Jawatan:

.....  
(Kesatuan Sekerja Pekerja)

Nama:  
Jawatan:

Di hadapan:

.....  
*Ketua Pengarah*  
*Jabatan Perhubungan Perusahaan*

Nama : .....  
Tarikh : .....

## Lampiran 1 Borang BA

Bil.	Nama Pekerja (Huruf Besar)	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport	Pekerjaan/ Jawatan	Tarikh mula bekerja	Catatan (jika ada)

Muka surat/

NOTA: Sila gunakan kertas sambungan jika perlu.

**BORANG BB**  
[Subperaturan 7(2)]

KEPUTUSAN MENGENAI PELAKSANAAN UNDI SULIT

DALAM MENJALANKAN kuasa di bawah subperaturan 7(2) Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009, apabila tiada persetujuan dicapai antara .....

*(nama majikan atau kesatuan sekerja majikan)*

dan .....

*(nama kesatuan sekerja pekerja)*

mengenai perkara di bawah subperaturan 7(1A) Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009, saya dengan ini memutuskan bahawa:

1. Senarai nama dan butir-butir semua pekerja yang layak mengundi dalam undi sulit hendaklah dalam Lampiran 1;
2. Tarikh dan masa undi sulit adalah seperti yang berikut:

Tarikh :

Hari :

Masa :

3. Undi sulit akan diadakan di .....

4. \*Perkara-perkara yang berikut (jika ada):

(i) .....

(ii) .....

(iii) .....

\*NOTA: Sila gunakan kertas sambungan jika perlu.

.....  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perhubungan Perusahaan

Nama : .....

Tarikh : .....

## Lampiran 1 Borang BB

Bil.	Nama Pekerja- Pekerja <i>(Huruf Besar)</i>	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport	Pekerjaan/ Jawatan	Tarikh mula bekerja	Catatan <i>(jika ada)</i>

Muka surat/

NOTA: *Sila gunakan kertas sambungan jika perlu.*;

(d) dengan menggantikan Borang C dengan borang yang berikut:

**“BORANG C**  
[Subperaturan 9(3)]

NOTIS UNDI SULIT

Kepada: (1) .....  
*(nama majikan atau kesatuan sekerja majikan)*

beralamat di .....  
Poskod ..... Negeri .....

(2) .....  
*(nama kesatuan sekerja pekerja)*

beralamat di .....  
Poskod ..... Negeri .....

AMBIL PERHATIAN bahawa menurut perenggan 9(4A)(b) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, suatu undi sulit akan dijalankan seperti yang berikut:

Bil.	Tempat	Tarikh	Masa

NOTA: *Sila gunakan kertas sambungan jika perlu.*

Pekerja yang layak untuk mengundi adalah seperti di Lampiran 1 \*Borang BA atau Borang BB.

.....  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perhubungan Perusahaan

Tarikh: .....

NOTA: \*Potong perkataan yang tidak berkenaan.”;

(e) dengan menggantikan Borang D dengan borang yang berikut:

**“BORANG D**  
(Peraturan 12)

NOTIS PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN UNDI SULIT

Keputusan undi sulit yang telah dijalankan pada ..... antara  
(tarikh)

.....  
(nama kesatuan sekerja pekerja)  
dan .....  
(nama majikan atau kesatuan sekerja majikan)

adalah seperti yang berikut:

A.	JUMLAH PENGUNDI (*Borang BA atau Borang BB)	
B.	JUMLAH PENGUNDI YANG MEMBUANG UNDI	
C.	PERATUSAN PENGUNDI YANG MEMBUANG UNDI (B/A x 100)	

Jika bilangan pengundi yang membuang undi tidak kurang daripada separuh daripada jumlah pekerja yang layak mengundi, undi dikira seperti yang berikut:

PEMBUANGAN UNDI		
D.	JUMLAH UNDI	
E.	JUMLAH UNDI ROSAK	
F.	JUMLAH UNDI YANG MENUNJUKKAN SOKONGAN TERHADAP KESATUAN SEKERJA PEKERJA	
G.	JUMLAH UNDI YANG MENUNJUKKAN KETIDAKSOKONGAN TERHADAP KESATUAN SEKERJA PEKERJA	
H.	PERATUSAN SOKONGAN (F/D X 100)	

NOTA:

1. \*Potong perkataan yang tidak berkenaan.
2. Peratusan sokongan hanya dikira jika bilangan undi adalah tidak kurang daripada separuh daripada jumlah pekerja yang layak mengundi.

.....  
 Ketua Pengarah  
 Jabatan Perhubungan Perusahaan

Nama : .....  
 Tarikh : .....”;

(f) dengan memasukkan selepas Borang F borang yang berikut:

**“BORANG FA**  
 [Subperaturan 13A(1)]

NOTIS PEMBERITAHUAN HAK PERUNDINGAN TUNGGAL

Kepada: Ketua Pengarah  
 Jabatan Perhubungan Perusahaan

Bahawasanya kami telah memutuskan bahawa:

.....  
*(Nama Kesatuan Sekerja Pekerja yang mendapat hak perundingan tunggal)*

beralamat di .....

.....  
 Poskod ..... Negeri .....

hendaklah mempunyai hak perundingan tunggal untuk mewakili pekerja yang diambil bekerja oleh .....

*(nama majikan)*

seperti yang berikut: .....

.....  
*(sila nyatakan pekerja atau kelas pekerja)*

Kami dengan ini mengisytiharkan bahawa maklumat yang diberi dalam borang ini adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami.

Bil.	Nama Kesatuan Sekerja Pekerja	Nama Pegawai yang bertanggungjawab	Jawatan	Tandatangan
1.	.....	.....	.....	.....
2.	.....	.....	.....	.....
3.	.....	.....	.....	.....

Tarikh: .....

NOTA: *Sila gunakan kertas sambungan jika perlu.*

s.k  
Majikan atau Kesatuan Sekerja Majikan

**BORANG FB**  
[Subperaturan 13B(1)]

PERMOHONAN BAGI HAK PERUNDINGAN TUNGGAL

Kepada: Ketua Pengarah  
Jabatan Perhubungan Perusahaan

Kami: .....  
*\*(nama majikan atau kesatuan sekerja majikan atau kesatuan sekerja pekerja)*

beralamat di .....  
.....  
Poskod ..... Negeri .....

dengan ini membuat permohonan bagi hak perundingan tunggal menurut perangkan 12A(1)(b) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 berkenaan dengan pekerja atau kelas pekerja seperti yang berikut:

.....  
*(sila nyatakan pekerja atau kelas pekerja yang hendak diwakili)*

yang diambil bekerja oleh .....  
*(nama majikan atau kesatuan sekerja majikan)*

Tandatangan : .....  
Nama : .....  
Jawatan : .....  
Tarikh : .....

Nota:  
*\*Potong perkataan yang tidak berkenaan*

**BORANG Fc**  
[Subperenggan 13C(a)(i)]

BUTIR-BUTIR PEKERJA

Kami.....  
*\*(nama majikan atau kesatuan sekerja majikan)*

beralamat di .....  
.....  
Poskod ..... Negeri .....

dengan ini mengisytiharkan bahawa maklumat yang diberi dalam Lampiran 1 Borang FC pada tarikh tuntutan adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami.

Tandatangan : .....  
 Nama : .....  
 Jawatan : .....  
 Tarikh : .....

Nota:

*\*Potong perkataan yang tidak berkenaan*

Lampiran 1 Borang FC

Berikut ialah senarai nama dan butir-butir semua pekerja dalam penggajian kami pada tarikh permohonan bagi hak perundingan tunggal dibuat.

Bil.	Nama Pekerja (Huruf Besar)	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport	Pekerjaan/ Jawatan	Tarikh mula bekerja	Catatan (jika ada)

Muka surat/

NOTA: Sila gunakan kertas sambungan jika perlu

**BORANG Fd**  
 [Subperenggan 13C(a)(ii)]

**BUTIR-BUTIR KESATUAN SEKERJA PEKERJA YANG TELAH DIBERI  
 PENGIKTIRAFAN**

Kami.....  
*\*(nama majikan atau kesatuan sekerja majikan)*

beralamat di .....  
 .....  
 Poskod ..... Negeri .....

dengan ini mengisytiharkan bahawa maklumat yang diberi dalam Lampiran ini adalah benar dan betul sepanjang pengetahuan dan kepercayaan kami. Kami berjanji bahawa jika maklumat yang diberikan didapati tidak betul atau palsu, kami hendaklah bertanggungjawab bagi maklumat tersebut.

Tandatangan : .....  
 Nama : .....  
 Jawatan : .....  
 Tarikh : .....

Nota: *\*Potong perkataan yang tidak berkenaan*

## Lampiran

Berikut ialah senarai kesatuan sekerja pekerja yang telah diberi pengiktirafan untuk mewakili pekerja atau kelas pekerja yang sama.

Bil.	Nama Kesatuan Sekerja (Huruf Besar)	No. Pendaftaran	Tarikh Pengiktirafan	Pekerja atau kelas pekerja yang telah diberi pengiktirafan	Catatan (jika ada)

Muka surat/

NOTA: Sila gunakan kertas sambungan jika perlu.

**BORANG FE**  
[Subperaturan 13D(3)]

PERSETUJUAN MENGENAI PELAKSANAAN UNDI SULIT

BAHAWASANYA \*Kami,

<b>Bil.</b>	<b>Pihak-Pihak</b>
-------------	--------------------

i.

ii.

iii.

pihak-pihak yang hadir dalam mesyuarat telah bersetuju mengenai perkara-perkara yang berikut bagi maksud melaksanakan undi sulit di bawah Bahagian IIA Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009:

1. Senarai nama dan butir-butir semua pekerja yang layak mengundi dalam undi sulit hendaklah dalam Lampiran 1;
2. Tarikh dan masa undi sulit adalah seperti yang berikut:

Tarikh	:
Hari	:
Masa	:

3. Undi sulit akan diadakan di .....

4. \*Perkara-perkara yang berikut (*jika ada*)

- (i) .....
- (ii) .....
- (iii) .....

Ditandatangani oleh:

*Bil.	Nama Majikan/ Kesatuan Sekerja Majikan/Kesatuan Sekerja Pekerja	Nama Pegawai yang bertanggungjawab	Jawatan	Tandatangan
1.	.....	.....	.....	.....
2.	.....	.....	.....	.....
3.	.....	.....	.....	.....

Di hadapan:

.....  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perhubungan Perusahaan

Nama : .....

Tarikh : .....

NOTA: *Sila gunakan kertas sambungan jika perlu.*

## Lampiran 1 Borang FE

Bil.	Nama Pekerja- Pekerja ( <i>Huruf Besar</i> )	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport	Pekerjaan/ Jawatan	Tarikh mula bekerja	Catatan ( <i>jika ada</i> )

Muka surat/

NOTA: *Sila gunakan kertas sambungan jika perlu.*

**BORANG FF**  
[Subperaturan 13D(4)]

KEPUTUSAN MENGENAI PELAKSANAAN UNDI SULIT

DALAM MENJALANKAN kuasa di bawah subperaturan 13D(4) Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009, apabila tiada persetujuan dicapai antara .....

*(nama majikan atau kesatuan sekerja majikan)*

dan .....

.....

*(nama kesatuan-kesatuan sekerja pekerja)*

mengenai perkara di bawah subperaturan 13D(3) Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009, saya dengan ini memutuskan bahawa:

1. Senarai nama dan butir-butir semua pekerja yang layak mengundi dalam undi sulit hendaklah dalam Lampiran 1;
2. Tarikh dan masa undi sulit adalah seperti yang berikut:  
     Tarikh :  
     Hari :  
     Masa :
3. Undi sulit akan diadakan di .....
4. \*Perkara-perkara yang berikut *(jika ada)*:  
     (i) .....  
     (ii) .....  
     (iii) .....  
     NOTA: *Sila gunakan kertas sambungan jika perlu.*

.....  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perhubungan Perusahaan

Nama : .....  
Tarikh : .....

Lampiran 1 Borang FF

Bil.	Nama Pekerja <i>(Huruf Besar)</i>	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport	Pekerjaan/ Jawatan	Tarikh mula bekerja	Catatan <i>(jika ada)</i>

Muka surat/

NOTA: *Sila gunakan kertas sambungan jika perlu.*

**FORM Fg**  
[Subperaturan 19(1)]

NOTIS UNDI SULIT BAGI MENENTUKAN HAK PERUNDINGAN TUNGGAL

Kepada: (1) .....  
\*(nama majikan atau kesatuan sekerja majikan)

beralamat di .....  
.....  
Poskod ..... Negeri .....

(2) Kesatuan sekerja pekerja seperti yang berikut:

Bil.	Nama	Alamat	Poskod	Negeri
1.				
2.				
3.				

NOTA: *Sila gunakan kertas sambungan jika perlu.*

AMBIL PERHATIAN bahawa menurut subseksyen 12A(2) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, suatu undi sulit bagi menentukan hak berunding tunggal akan dilaksanakan seperti yang berikut :

Bil.	Tempat	Tarikh	Masa
1.			

NOTA: *Sila gunakan kertas sambungan jika perlu.*

Pekerja yang layak untuk mengundi adalah seperti dalam Lampiran 1 \*Borang FE atau Borang FF.

.....  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perhubungan Perusahaan

Nama : .....  
Tarikh : .....

NOTA: *\*Potong perkataan yang tidak berkenaan*

**BORANG FH**  
(Peraturan 13H)

PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN UNDI SULIT  
MENGENAI HAK PERUNDINGAN TUNGGAL

Keputusan undi sulit yang telah dijalankan pada ..... adalah seperti yang berikut:

A.	JUMLAH PENGUNDI	
B.	JUMLAH KERTAS UNDI YANG DIKELUARKAN	
C.	JUMLAH UNDI ROSAK	
D.	NAMA KESATUAN SEKERJA PEKERJA	JUMLAH UNDI
	1.	
	2.	
	3.	
	4.	
	5.	
	JUMLAH KESLEURUHAN UNDI	

NOTA: Sila gunakan kertas sambungan jika perlu.

.....  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perhubungan Perusahaan

Nama : .....  
Tarikh : .....

**BORANG F1**  
[Peraturan 13i]

KEPUTUSAN MENGENAI HAK PERUNDINGAN TUNGGAL

PADA MENJALANKAN kuasa di bawah subseksyen 12A(4) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, saya dengan ini memutuskan bahawa:

.....  
(nama Kesatuan Sekerja Pekerja)

beralamat di .....

Poskod ..... Negeri .....

mempunyai hak perundingan tunggal untuk mewakili pekerja atau kelas pekerja seperti yang berikut:

.....  
.....  
yang diambil bekerja oleh .....  
(nama majikan atau kesatuan sekerja majikan)

beralamat di .....  
.....  
Poskod ..... Negeri .....

.....  
(Nama)  
Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan

Tarikh: .....

**BORANG Fj**  
[Subperaturan 17A(1)]

PERMOHONAN BAGI SESEORANG DIWAKILKAN DALAM REPRESENTASI

Kepada : Ketua Pengarah  
Jabatan Perhubungan Perusahaan

Dalam perkara mengenai seseorang diwakilkan menurut subperenggan 20(6)(a)(iv) atau 20(6)(b)(iv) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 dalam representasi atas sebab pemecatan kepada Ketua Pengarah.

Nombor kes: .....

Antara

.....  
(Nama Pekerja)

Dan

.....  
(Nama Majikan)

\*Saya/Kami (Guna Lampiran A jika perlu) .....  
dengan ini membenarkan .....  
(Nama wakil)

\*No. Kad Pengenalan/No. pasport .....  
untuk mewakili \*saya/syarikat saya/kami dalam prosiding di hadapan  
Ketua Pengarah.

.....  
(Nama \*pekerja/majikan)

Tarikh: .....

Pengisytiharan oleh Wakil:

Saya dengan ini mengaku bahawa saya bukanlah seorang Peguambela dan Peguamcara.

Tandatangan : .....  
 Nama : .....  
 \*No. Kad Pengenalan/No. Pasport : .....  
 Tarikh : .....

Nota:

- i. Untuk kes berkumpulan, sila lengkapkan Lampiran A dengan sewajarnya.
- ii. \*Potong perkataan yang tidak berkenaan

Lampiran A

Bil.	Nama Pekerja	No. Kad Pengenalan/ No. Pasport	Tandatangan

Muka surat/

Nota: *Sila gunakan kertas sambungan jika perlu.*; dan

- (g) dalam borang G, dengan menggantikan perkataan “enam puluh hari” dengan perkataan “tiga puluh hari”.

Dibuat 11 September 2024

[KSM.PUU(S)600-1/2/9/8(4); PN(PU2)541/JLD.14]

SIM CHEE KEONG  
*Menteri Sumber Manusia*

INDUSTRIAL RELATIONS ACT 1967

INDUSTRIAL RELATIONS (AMENDMENT) REGULATIONS 2024

IN exercise of the powers conferred by section 62 of the Industrial Relations Act 1967 [Act 177], the Minister makes the following regulations:

**Citation and commencement**

1. (1) These regulations may be cited as the **Industrial Relations (Amendment) Regulations 2024**.

(2) These Regulations come into operation on 15 September 2024.

**Amendment of regulation 2**

2. The Industrial Relations Regulations 2009 [*P.U. (A) 356/2009*], which are referred to as the “principal Regulations” in these Regulations, are amended in regulation 2 by substituting for the definition of “secret ballot” the following definition:

‘ “secret ballot” means—

(a) in relation to Part II, a secret ballot taken for the purpose of ascertaining the percentage of workmen or any class of workmen, in respect of whom a claim for recognition is being sought to indicate support for a trade union of workmen making the claim;

(b) in relation to Part IIA, a secret ballot taken for the purpose of ascertaining the highest number of votes indicating the preference for a trade union of workmen to have the sole bargaining rights to represent such workmen or class of workmen.

**Amendment of regulation 3**

3. Regulation 3 of the principal Regulations is amended by inserting after subregulation (2) the following subregulation:

